

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMPUT]**

TARIKH : 04 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan sejak Mei 2018 untuk memperkasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, kelemahan perundangan dan infrastruktur sedia ada, bilangan laporan yang diterima berbanding kes yang telah diambil tindakan dan sebab-sebab kes yang gagal disiasat atau diambil tindakan.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha untuk terus menjamin kebebasan dan kecekapan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), beberapa inisiatif akan dilaksanakan untuk memperkasakan Suruhanjaya ini selaras dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikan inisiatif di peringkat domestik bergerak seiring dengan kehendak global.

2. Dari aspek pengurusan dan profesionalisme organisasi, antara inisiatif-inisiatif yang telah dicadangkan kepada kerajaan untuk dilaksanakan ialah:

- i) Mengadakan peruntukan baharu di bawah Perlembagaan Persekutuan berkenaan Perlantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) dengan bidang kuasa pelantikan, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat, pertukaran, kawalan tatatertib dan penamatan perkhidmatan pegawai SPRM;
- ii) Perneriksaan entiti pemantauan SPRM dengan mekanisme dan terma rujukan yang ditambahbaik dan diberikan bajet berasingan bagi memastikan ia dapat berfungsi secara bebas serta berkecuali daripada SPRM.

3. Manakala beberapa produk-produk anti-rasuah telah dilaksanakan penambahbaikan dan pemantauan dilakukan secara berterusan:

i) CIP v.2.0

Program *Corporate Integrity Pledge* (CIP) melibatkan pelaksanaan inisiatif pencegahan rasuah di organisasi/syarikat melalui pengwujudan polisi-polisi pencegahan rasuah bersesuaian yang disyorkan oleh SPRM untuk sektor swasta.

Program ini adalah untuk membantu organisasi/syarikat untuk mewujudkan dan menguruskan Program Pencegahan Rasuah. Pada tahun 2019 CIP v2.0 diperkenalkan dimana susun aturnya telah ditambah baik serta polisi pencegahan rasuah diperinci bagi membantu dan memudahkan organisasi/syarikat mewujudkan sistem pencegahan rasuah yang lebih sistematik;

ii) CRM v.2.0 Copyright

Corruption Risk Management (CRM) merupakan alat pengurusan yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRR). Pada tahun 2017, telah diputuskan supaya Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM mendaftarkan Hakcipta (Copyright) PPRR SPRM melalui MyIPO. Hakcipta berjaya didaftarkan pada tahun 22.02.2019.

4. Dari aspek perundangan, SPRM sedang melaksanakan inisiatif untuk membuat beberapa pindaan seksyen di bawah Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan juga mengadakan peruntukan baharu bagi menambahbaik penguatkuasaan dan operasi siasatan Suruhanjaya ini. Antara cadangan pindaan ialah pindaan seksyen 20 ASPRM 2009 – bagi menambahbaik peruntukan berhubung kesalahan rasuah dalam perolehan Kerajaan. Manakala peruntukan baharu lain juga turut dicadangkan bagi mengukuhkan lagi kapasiti kuasa SPRM untuk

menyiasat kesalahan - kesalahan rasuah contohnya kewajipan mengisytiharkan pemilikan benefisiari (*beneficial ownership*).

5. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah maklumat berkaitan rasuah yang diterima oleh SPRM bagi tahun 2018 hingga Jun 2020 adalah sebanyak 19,661. Daripada maklumat ini, hanya 11,050 maklumat yang berunsur rasuah dan selebihnya tidak mengandungi unsur rasuah. Maklumat berunsur rasuah merujuk kepada maklumat yang diputuskan untuk tindakan risikan atau siasatan. Maklumat-maklumat ini akan dibuka Kertas Siasatan (KS), Kertas Penyiasatan Awal (KPA), Kertas Risikan (KR) dan lain-lain tindakan operasi.

6. Maklumat yang bukan berunsur rasuah pula adalah maklumat yang tidak diteruskan tindakan risikan atau siasatan. Antara tindakan bagi maklumat bukan berunsur rasuah adalah pembukaan fail Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP) bagi kajian terhadap sistem dan prosedur, rujuk jabatan bagi tindakan dalaman jabatan terbabit, rujuk penulis (pemberi maklumat) untuk tindakan lanjut seperti laporan polis dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.